

CNS3080

R GB 11-02 00163 BC354

bah

MAHATHIR BELUM DAPAT PASTI CAMPUR TANGAN ISTANA
Mahathir - Istana

KUALA LUMPUR, 10 Peb (Bernama)-- Perdana Menteri **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** berkata beliau belum dapat **memastikan sama ada** terdapat campur tangan istana dalam pemberian kontrak **di Terengganu**.

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Haji Wan Mokhtar **Ahmad** sudahpun berkata, beliau tidak menerima tekanan daripada istana dalam perkara itu, **katanya** kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di **sinimalamini**.

+...Jika orang lain ada bukti tentang adanya tekanan itu, silalah kemukakanlah, **katanya** ketika mengulas **laporan** akhbar mengenai dakwaan Persatuan Pemborong Bumiputera Malaysia (PPBMT) cawangah Terengganu kononnya **kera j aan** negeri mengutamakan Syarikat **Seri Terukon Sdn Berhad**.

Persatuan itu menghantar memorandum kepada **Dr Mahathir** dan **timbalannya**, Encik Ghafar Baba mendesak supaya dikaji semula **sistem penawaran** kontrak di negeri itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, **berkata** beliau belum membaca memorandum PPBMT itu melainkan mengetahui **mengennainya** menerusi laporan akhbar. -- Lagi

♥11/02/00-19MST

CNS3081

R GB 11-02 00092 BC355

bah

Mahathir - Istana 2 (akhir) Kuala Lumpur

+Saya berpendapat bahawa kita dah dengar penjelasan mengenai perkara ini, **cumakita** nak tahu sahlah ataupun tidak penjelasan itu.

Dr Mahathir berkata, **isu** itu tidak dibincangkan **pada** mesyuarat Majlis Tertinggi malam ini yang turut dihadiri oleh **Encik Ghafar** dan **Haji Wan Mokhtar**.

Ketika ditanya **samaada** mesyuarat membincangkan campur tangan istana dalam pentadbiran kerajaan dan urusan **perniagaanseperti yang** dibangkitkan pada perhimpunan agung lepas, beliau berkata,, perkara itu hanya dibincangkan secara umum. --Bernama

♥11/02/00-21MST